

AMALAN PERSEKITARAAN BERKUALITI 5S JABATAN FARMASI, HSAJB.

Jabatan Farmasi, HSAJB amat komited dalam usaha mengekalkan Pensijilan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S. Pada tahun ini, Audit Pengekalan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S bagi kali ke TUJUH (7) akan diadakan pada 30 Oktober 2017 oleh Juruaudit daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).

Pelbagai aktiviti telah dirangka sepanjang tahun 2017 ini bagi memastikan Amalan 5S terus diamalkan di Jabatan Farmasi. Antara program tersebut adalah Gotong Royong Perdana, Taklimat 5S kepada anggota baru, Pertandingan Zon terbaik 5S, Audit Mengejut, Pre-Post Audit dan sebagainya.

Bagi anggota baru yang berkhidmat di Jabatan Farmasi HSAJB, mereka akan dibekalkan dengan Kad Promosi dan Nota Poket sebagai pengenalan dan garis panduan dalam membudayakan Amalan 5S di dalam tugas seharian bagi meningkatkan produktiviti dan penambahbaikan yang berterusan.

